



Headline: Pesara rugi RM67,000 ditipu 'Inspektor Yong'
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 26 August 2019

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 63

Pesara rugi RM67,000 ditipu 'Inspektor Yong'

Ahli sindiket
Macau Scam janji
pulangan
wang mangsa

Oleh Shahrinnahar Latib
bhnews@bh.com.my

Temerloh: Seorang pesara Pos Malaysia di sini mendakwa menanggung kerugian RM67,000 selepas diperdaya ahli sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai polis.

Kejadian bermula 19 Ogos lalu apabila wanita berusia 69 tahun itu menerima panggilan daripada suspek yang memperkenalkan dirinya sebagai kakitangan Telekom Malaysia (TM).

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata suspek men-

dakwa mahu membuat pemotongan nombor talian TM milik mangsa, namun mangsa menafikan nombor talian itu adalah miliknya.

"Panggilan itu kemudian disambungkan ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Lumpur dan sebelum mangsa bercakap dengan 'Inspektor Yong' bagi membuat laporan polis," katanya dalam satu kenyataan media di sini, semalam.

Beliau berkata, mangsa kemudian berhubung dengan 'inspektor Yong' melalui telefon bimbit sebelum suspek menghantar gambar surat perintah Mahkamah Kuala Lumpur.

"Suspek kemudian meminta mangsa memasukkan sejumlah wang untuk dihantar ke Bank Negara, kononnya untuk disemak sama ada akaun mangsa terbabit dengan pengubahan wang haram atau perjudian.

"Mangsa juga bercakap dengan dua lagi suspek menyamar se-



Polis sedang mengesan pemilik nombor akaun digunakan suspek dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan kerana menipu.

Mohd Wazir Mohd Yusof,
Ketua JSJK Pahang

bagai 'Koperal Mazlan' dan 'Inspektor Mokhtar' yang memberikan tekanan dan menakutkan mangsa," katanya.

Mohd Wazir berkata, suspek juga mendakwa mangsa boleh dikenakan hukuman penjara jika tidak mengikut arahan diberikan.

"Suspek berjanji akan memulangkan wang mangsa selepas siasatan selesai dan mangsa kemudian membuat beberapa kali pindahan wang kepada dua akaun berlainan menjadikan jumlah keseluruhan RM67,000," katanya.

Katanya, mangsa menceritakan perkara itu kepada anaknya semalam dan anaknya itu terus membawa ibunya ke IPD Temerloh untuk membuat laporan polis selepas disyaki ditipu.

"Polis sedang mengesan pemilik nombor akaun digunakan suspek dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan kerana menipu," katanya.